

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN [ STAMPIN ]**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN CHONG CHIENG JEN [ STAMPIN ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah Kementerian melanjutkan polisi Kerajaan PH yang membenarkan pengeluaran makanan dan minuman di Sabah dan Sarawak untuk mengimpot gula bertapis. Berapa pengeluaran itu telah diberi kelulusan permit mengimpot gula bertapis di tahun 2021 dan 2022.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian buat masa ini masih meneruskan polisi pengimportan gula putih bertapis kepada semua pengeluar makanan dan minuman (F&B) dan syarikat pemborong gula tempatan. Semua syarikat yang berminat untuk memohon permit mengimport gula putih bertapis ini boleh memohon secara bertulis dengan mengemukakan dokumen yang lengkap kepada Kementerian, pada bila-bila masa sepanjang tahun. Hanya permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat sahaja yang akan dipertimbangkan.

Untuk Tahun 2021, tiada syarikat F&B dari Sabah dan Sarawak yang diluluskan permit mengimport gula putih bertapis kerana permohonan yang dikemukakan adalah tidak lengkap atau tidak memenuhi kriteria pertimbangan. Walau bagaimanapun, terdapat dua syarikat pemborong dari yang diluluskan permit mengimport gula bertapis pada tahun 2021 yang mana kelulusan AP berkenaan adalah berkuatkuasa sehingga 31 Disember 2021 dan 15 Mei 2022.

Sekian, terima kasih.